

25/03/2005

Isteri Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri meninggal

KUALA LUMPUR: Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid, semalam berangkat menziarahi jenazah isteri Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Azmi Khalid, Allahyarham Datin Yasmin Abdullah di rumah Azmi di Jalan Conlay, di sini.

Turut hadir Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak; bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan beberapa menteri lain serta sahabat handai Azmi dan Allahyarham Yasmin.

Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong tiba di rumah berkenaan jam 3.30 petang dan meluangkan waktu sehingga jenazah Allahyarham dibawa masuk ke kenderaan jenazah kira-kira jam 4.30 petang.

Allahyarham Yasmin, 63, meninggal dunia di Pusat Perubatan Subang Jaya (SJMC), kira-kira jam 9.40 pagi semalam kerana menghadapi penyakit leukemia selepas dirawat di pusat perubatan berkenaan sejak 22 hari lalu.

Allahyarham yang mendirikan rumah tangga dengan Azmi selama 38 tahun lalu meninggalkan empat anak, iaitu Dr Soraya, Johan Mohriz, Ida Mariana dan Ilhan Salimee serta seorang cucu.

Azmi berkata, Allahyarham menjalani rawatan di pusat berkenaan sejak menghidap penyakit itu dua tahun lalu.

"Ketika Allahyarham menghembuskan nafas terakhir, saya dan empat anak berada di sisinya. Saya kehilangan seorang isteri dan sahabat yang sering mengambil berat mengenai saya dan keluarga. Apabila kita kehilangan seseorang yang menjaga banyak hal kita, tentulah kita sedih," katanya ketika ditemui di rumahnya.

Allahyarham lulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) Universiti Malaya pernah berkhidmat sebagai guru bahasa Inggeris dari 1967 hingga 1995.

Selain itu, Allahyarham ialah Naib Presiden Persatuan Tindakan Wanita Islam (Pertiwi) dari 1966 hingga 2000, Pengerusi Pergerakan Puteri Islam Perlis (1996 hingga kini), Setiausaha Kehormat Badan Amal dan Kebajikan Isteri-isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) (2000-2002) dan Ahli Jawatankuasa Bakti (2002-2004).

Azmi berkata, Allahyarham sibuk mengatur majlis pernikahan anak bongsu mereka, Ilhan Salimee yang dijadualkan 24 April ini.

Sementara itu, Najib yang ditemui sejurus sebelum meninggalkan rumah itu, berkata beliau memang mengetahui Allahyarham menghadapi penyakit berkenaan dan terkejut apabila menerima berita kematian Allahyarham pagi semalam.

Sementara itu, isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor, berkata ketika berkhidmat dalam Bakti, Allahyarham berdedikasi dan komited melaksanakan pelbagai program dan pemergiannya adalah kehilangan yang besar kepada organisasi berkenaan.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, kehilangan Allahyarham disifatkannya kehilangan yang besar kepada perjuangan memperkukuh bahasa Inggeris di kalangan pelajar sekolah kerana Allahyarham pernah berkhidmat sebagai guru bahasa Inggeris.

Jenazah Allahyarham disembahyangkan di rumah berkenaan dengan diimamkan Pegawai Agama Istana Negara, Datuk Abu Hassan Din al-Hafiz dan antara makmumnya adalah Abdullah.

Jenazah Allahyarham dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Bukit Kiara,

Damansara kira-kira jam 5.30 petang semalam.

(END) Source : Berita Harian